

Soalan Lazim:
AFFIN-Perbankan Komuniti
Program Penjadualan Semula Pembayaran (PSP) untuk Individu/Bukan Individu

PROGRAM PENJADUALAN SEMULA PEMBAYARAN (PSP)		
UNTUK INDIVIDU/BUKAN INDIVIDU		
Soalan Am		
No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah itu Program Penjadualan Semula Pembayaran (PSP)?	<p>a) Affin Bank Berhad dan Affin Islamic Berhad (dikenali sebagai pihak Bank) memperkenalkan program PSP untuk membantu meringankan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh peminjam/pelanggan sedia ada dengan memberikan beberapa pilihan untuk mengatasi beban kewangan.</p> <p>b) Program ini juga disediakan untuk pelanggan yang mengalami kemerosotan dalam keadaan kewangan tetapi memilih untuk mengekalkan ansuran bulanan untuk baki tempoh pembiayaan yang sedia ada.</p> <p>Nota : Permohonan untuk program adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Bank.</p>
2.	Apakah pilihan pembayaran pinjaman/ pembiayaan yang ditawarkan di bawah program ini?	<p>Terdapat tiga (3) pilihan untuk pinjaman/pembiayaan seperti di bawah:</p> <p>a) Penjadualan dan Penstrukturan Semula (R&R) pinjaman/pembiayaan dengan pilihan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Skim tanpa peningkatan pembayaran dan penambahan tempoh pinjaman/pembiayaan ii. Skim dengan peningkatan pembayaran bagi dua (2) tahun pertama dan penambahan tempoh pinjaman/pembiayaan. <p>b) Mengekalkan bayaran ansuran asal (untuk produk dengan kadar berubah sahaja) dengan pilihan yang berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. dengan lanjutan tempoh pembayaran ii. tanpa lanjutan tempoh pembayaran <p>c) Penyertaan program AKPK</p> <p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Skim peningkatan pembayaran tidak terpakai untuk kemudahan di bawah pelepasan progresif bagi hartanah yang sedang dalam pembinaan. 2. Bagi pembiayaan Islam, skim peningkatan adalah tertakluk kepada tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling/Ijarah. 3. Program akan hanya berkuatkuasa setelah Perjanjian Tambahan/Surat Variasi ditandatangani [pengecualian bagi program di bawah item 1(b)] <p><i>*Skim peningkatan pembayaran adalah struktur pembayaran meningkat di mana anda akan membuat pembayaran yang lebih rendah pada tempoh awal pinjaman/pembiayaan untuk jangka masa tertentu. Jumlah pembayaran akan semakin meningkat sepanjang tempoh pinjaman/pembiayaan anda.</i></p>

No	Soalan	Jawapan
3.	Apakah kriteria kelayakan?	<p>Program ini layak disertai oleh:</p> <p><u>Individu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelanggan sedia ada dengan rekod yang memuaskan dengan Bank dan institusi kewangan lain; b) Pelanggan sedia ada yang menghadapi masalah kewangan; c) Pelanggan sedia ada dengan status akaun tidak melebihi 90 hari lewat tempoh (DPD); d) Dengan lanjutan atau tiada lanjutan tempoh pembayaran; e) Pinjaman/Pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia; <p><u>Bukan Individu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelanggan sedia ada dengan rekod yang memuaskan dengan Bank dan institusi kewangan lain; b) Pelanggan sedia ada yang menghadapi masalah kewangan; c) Pelanggan sedia ada dengan status akaun tidak melebihi 90 hari lewat tempoh (DPD); d) Dengan lanjutan atau tiada lanjutan tempoh pembayaran; e) Pinjaman/Pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia; f) Perniagaan masih dalam operasi (iaitu tidak ditutup) dan berdaya maju.
4.	Apakah produk yang terlibat untuk program ini?	<p>Kedua-dua pinjaman Konvensional dan pembiayaan Islam seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Gadai Janji/Gadai Janji-i; b) Sewa Beli/Sewa Beli-i; c) Pembiayaan Peribadi-i dan d) Pembiayaan Pendidikan-i e) Kad Kredit/Kad Kredit-i* <p>*Untuk Kad Kredit / Kad Kredit-i, anda boleh memohon untuk menukar baki tertunggak anda untuk Kad Kredit atau jumlah prinsipal bagi Kad Kredit-i kepada Pinjaman / Pembiayaan Bertempoh secara ansuran maksimum sehingga lima (5) tahun pada kadar tetap 13% per setahun, tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.</p>
5.	Sekiranya saya mempunyai lebih daripada satu fasiliti yang layak, bolehkah saya memohon untuk kesemuanya?	Boleh.

6.	Bagaimana saya boleh memohon untuk menyertai program ini?	<p>Anda boleh membuat permohonan melalui saluran berikut:</p> <p>a) Lengkapkan borang dalam talian melalui laman web Bank:</p> <p>i. www.affinalways.com; atau</p> <p>ii. www.affingroup.com</p> <p>b) Lampirkan dokumen sokongan yang diperlukan (rujuk item 8)</p> <p>c) Sila e-mel borang permohonan dan dokumen sokongan kepada kami di affinfair@affingroup.com</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan, sila:</p> <p>a) Hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 dari Isnin hingga Ahad antara jam 8:00 pagi hingga 12:00 pagi;</p> <p>b) Hantarkan e-mel kepada kami di affinfair@affingroup.com; atau</p> <p>c) Kunjungi cawangan Bank yang berdekatan.</p>
No	Soalan	Jawapan
7.	Adakah PSP ini akan menjejaskan rekod CCRIS saya?	<p>PSP (termasuk program AKPK) berkemungkinan:</p> <p>a) menjejaskan rekod CCRIS anda,</p> <p>b) menjejaskan permohonan pembiayaan/pinjaman baharu anda pada masa hadapan.</p>
8.	Adakah saya perlu memberikan sebarang dokumen untuk menyokong permohonan saya?	<p>Ya. Anda boleh memberikan mana-mana dokumen untuk menyokong permohonan anda seperti contoh berikut:</p> <p><u>Individu</u></p> <p>a) Laporan CCRIS terkini dan</p> <p>b) Sebarang bukti pendapatan yang berkaitan untuk menyokong permohonan seperti Slip Gaji terkini, atau Penyata KWSP terkini, atau Penyata Bank terkini dll).</p> <p><u>Bukan individu</u></p> <p>a) Laporan CCRIS terkini dan</p> <p>b) Penyata bank tiga (3) bulan terkini; atau</p> <p>c) Penyata Kewangan Interim/Akaun Pengurusan (pilihan untuk pelanggan PKS); atau</p> <p>d) Sebarang bukti pendapatan lain yang berkaitan untuk menyokong permohonan tersebut.</p> <p><u>Nota:</u></p> <p>Permohonan yang diluluskan boleh dibatalkan/dihentikan sekiranya ada dokumen/maklumat sokongan yang diserahkan didapati tidak benar, tidak tepat dan/atau salah nyata.</p>
9.	Berapa lama masa yang diperlukan Bank untuk memaklumkan saya mengenai status permohonan saya?	<p><u>Individu</u></p> <p>Dalam tempoh lima (5) hari.</p> <p><u>Bukan Individu</u></p> <p>Dalam tempoh empat belas (14) hari.</p>
10.	Bagaimana Bank akan memaklumkan saya mengenai status permohonan saya?	<p>Status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel/SMS.</p>

11.	Setelah mendapat maklum balas bahawa permohonan saya telah diluluskan, apakah ini bermaksud bahawa program tersebut akan berkuat kuasa serta-merta?	Program hanya akan berkuatkuasa setelah Perjanjian Tambahan/Surat Variasi ditandatangani/ Surat Penerimaan
12.	Bagaimana caj faedah/keuntungan saya akan dikira?	Caj faedah/keuntungan akan dikira berdasarkan kadar faedah/keuntungan semasa. Walaubagaimanapun, ia akan berubah jika ada apa-apa perubahan dalam Kadar Asas (KA). Bagi Pembiayaan Islam, perubahan akan tertakluk kepada tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling (KKS).

No	Soalan	Jawapan
13.	Sekiranya saya memilih untuk mengekalkan bayaran ansuran asal, berapakah bayaran ansuran yang dikekalkan itu?	Pengekalan bayaran ansuran asal merujuk kepada ansuran yang perlu dibayar sebelum perubahan Kadar Dasar Semalaman(KDS). Sekiranya terdapat sebarang perubahan KDS berikutnya dalam tempoh pembiayaan pengekalan yang dipersetujui, ansuran yang sama akan dikekalkan.
14.	Jika saya memilih untuk mengekalkan ansuran asal saya - apakah kesan pilihan itu terhadap kos pembiayaan saya?	Anda perlu mempertimbangkan pilihan ini dengan berhati-hati kerana mengekalkan ansuran bulanan dan dengan melanjutkan tarikh matang, mungkin menanggung kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi. Sekiranya anda memilih untuk mengekalkan ansuran tanpa melanjutkan tempoh, anda perlu membayar bayaran terakhir anda dalam bentuk bayaran sekaligus untuk jumlah tertunggak pada akhir tarikh matang atau semasa penyelesaian akaun anda.
15.	Jika saya memohon PSP dan memilih untuk keluar di pertengahan jalan, apakah kesan terhadap kos pembiayaan saya?	Jika anda menarik diri daripada PSP, ansuran anda akan dikira semula dengan perubahan OPR semasa dan tempoh pembayaran akan dikembalikan kepada baki tempoh pembayaran asal anda.
16.	Jika pinjaman/pembiayaan saya masih dalam pengeluaran progresif, bolehkah saya meminta bayaran progresif yang lebih rendah?	Tidak. Anda perlu membayar bayaran progresif bulanan dengan sewajarnya.

17.	Jika pinjaman/pembiayaan saya telah dikeluarkan sepenuhnya baru-baru ini dan saya menghadapi kesukaran untuk membayar ansuran saya, bolehkah saya meminta ansuran yang lebih rendah?	Ya, anda boleh memohon untuk Program Penjadualan Semula Pembayaran (PSP).
18.	Jika pinjaman/pembiayaan saya pada masa ini di bawah R&R atau AKPK, bolehkah saya dibenarkan meneruskan perkhidmatan ansuran semasa saya mengikut perjanjian variasi R&R/perjanjian DMP AKPK?	Ya, mengikut tempoh pembayaran yang dinyatakan dalam perjanjian variasi R&R anda/perjanjian Program Pengurusan Kredit AKPK.
19.	Pinjaman/pembiayaan saya sedang berjalan di bawah program PSP. Bagaimana sekiranya saya ingin menarik diri?	Sekiranya anda ingin menarik diri (<i>opt-out</i>) daripada program ini, sila: a) Hantarkan e-mel kepada kami di affinfair@affingroup.com ; atau b) Hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 dari Isnin hingga Ahad antara jam 8:00 pagi hingga 12:00 pagi.

No	Soalan	Jawapan
20.	Apakah kesan PSP ini kepada perlindungan insurans/ takaful saya?	Insurans/takaful anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung jadual pembayaran yang telah disemak semula. Anda disarankan untuk mengkaji perlindungan insurans / takaful berkaitan kredit anda dan berhubung dengan pembekal insurans/takaful anda untuk memastikan kemudahan pembiayaan anda dilindungi dengan secukupnya.
21.	Adakah saya perlu menandatangani sebarang dokumen?	Ya. Surat Setuju Terima dan Surat Variasi/Perjanjian Tambahan akan dilaksanakan dan perlu dipersetujui oleh pelanggan/peminjam dan penjamin (jika ada). <u>Nota:</u> PSP hanya berkuatkuasa setelah Perjanjian Tambahan/Surat Variasi/ Surat Penerimaan ditandatangani.

22.	Berapa lama tempoh lanjutan?	<p>Pilihan Program : Penjadualan dan Penstrukturan Semula (R&R)</p> <table border="1" data-bbox="678 190 1460 772"> <thead> <tr> <th data-bbox="678 190 933 257">Product</th> <th data-bbox="933 190 1173 257">Extension of tenure</th> <th data-bbox="1173 190 1460 257">Remarks</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="678 257 933 436">Gadai Janji/Gadai janji-i/ASB/Pembiayaan Pendidikan-i</td> <td data-bbox="933 257 1173 436">Sehingga dua (2) tahun daripada baki tempoh asal.</td> <td data-bbox="1173 257 1460 436">Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="678 436 933 582">Pembiayaan Peribadi-i</td> <td data-bbox="933 436 1173 582">Sehingga baki tempoh asal sahaja.</td> <td data-bbox="1173 436 1460 582">Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="678 582 933 772">Sewa Beli/Sewa Beli-i</td> <td data-bbox="933 582 1173 772">Sehingga dua (2) tahun sahaja daripada baki tempoh asal.</td> <td data-bbox="1173 582 1460 772">Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sebarang lanjutan tempoh melebihi dua (2) tahun akan dipertimbangkan atas permintaan khusus anda.</p> <p>Pilihan Program : <u>Mengekalkan Bayaran Ansuran Asal</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi Gadai Janji/Gadai Janji-i dan Pembiayaan Pendidikan-i, tempoh lanjutan hanya sehingga satu (1) tahun. 2. Bagi Pembiayaan Peribadi-i, tempoh lanjutan tidak dibenarkan. <p>Affin Bank Berhad</p>	Product	Extension of tenure	Remarks	Gadai Janji/Gadai janji-i/ASB/Pembiayaan Pendidikan-i	Sehingga dua (2) tahun daripada baki tempoh asal.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.	Pembiayaan Peribadi-i	Sehingga baki tempoh asal sahaja.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.	Sewa Beli/Sewa Beli-i	Sehingga dua (2) tahun sahaja daripada baki tempoh asal.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun
Product	Extension of tenure	Remarks												
Gadai Janji/Gadai janji-i/ASB/Pembiayaan Pendidikan-i	Sehingga dua (2) tahun daripada baki tempoh asal.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.												
Pembiayaan Peribadi-i	Sehingga baki tempoh asal sahaja.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun.												
Sewa Beli/Sewa Beli-i	Sehingga dua (2) tahun sahaja daripada baki tempoh asal.	Tertakluk kepada umur maksimum pelanggan 70 tahun												
23.	Adakah kadar faedah/ keuntungan akan disemak semula untuk lanjutan tempoh saya?	Tiada perubahan kadar faedah/keuntungan untuk lanjutan tempoh sehingga dua (2) tahun.												

No	Soalan	Jawapan																																																
24.	Apa kesannya jika saya memutuskan untuk melanjutkan tempoh sehingga dua(2) tahun atau lebih dari dua (2) tahun?	<p>Di bawah adalah ilustrasi untuk menunjukkan dan membandingkan kesan pilihan ansuran yang sama pada keseluruhan jangka masa dan jumlah kos pinjaman/pembiayaan.</p> <p><u>ILUSTRASI: SEWA BELI / SEWA BELI-i & PINJAMAN/PEMBIAYAAN KADAR TETAP</u></p> <p><u>Tempoh Asal</u></p> <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan/Faedah</td> <td>2.40%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Ansuran</td> <td>108</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pinjaman/Pembiayaan</td> <td>RM110,000.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Caj yang telah ditentukan</td> <td>RM23,760.00</td> </tr> <tr> <td>Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini</td> <td>RM133,760.00</td> </tr> <tr> <td>Kadar peratusan tahunan</td> <td>4.46%</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td>RM1,239.00</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Terakhir</td> <td>RM1,187.00</td> </tr> </table> <p><u>Terma Penjadualan Semula - Dilanjutkan Hingga Dua (2) Tahun</u> <u>Andaian:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pinjaman/Pembiayaan telah berjalan selama dua (2) tahun dengan baki tempoh 84 bulan. 2) Dilanjutkan selama dua (2) tahun lagi (24 bulan) <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan/Faedah</td> <td>2.40%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Ansuran</td> <td>108</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pinjaman/Pembiayaan</td> <td>RM 89,612.99</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Caj yang telah ditentukan</td> <td>RM 19,356.41</td> </tr> <tr> <td>Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini</td> <td>RM 108,969.40</td> </tr> <tr> <td>Kadar peratusan tahunan</td> <td>4.46%</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td>RM1,009.00</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Terakhir</td> <td>RM1,006.40</td> </tr> </table> <p><u>Terma Penjadualan Semula - Dilanjutkan Hingga Tiga (3) Tahun</u> <u>Andaian:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pinjaman/Pembiayaan telah berjalan selama dua (2) tahun dengan baki tempoh 84 bulan. 2) Dilanjutkan selama tiga (3) tahun lagi (36 bulan) <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan/Faedah</td> <td>2.42%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Ansuran</td> <td>120</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Pinjaman/Pembiayaan</td> <td>RM 89,612.99</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Caj yang telah ditentukan</td> <td>RM 21,686.34</td> </tr> <tr> <td>Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini</td> <td>RM 111,299.33</td> </tr> <tr> <td>Kadar peratusan tahunan</td> <td>4.47%</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td>RM928.00</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Terakhir</td> <td>RM867.33</td> </tr> </table>	Kadar Keuntungan/Faedah	2.40%	Jumlah Ansuran	108	Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM110,000.00	Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM23,760.00	Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM133,760.00	Kadar peratusan tahunan	4.46%	Ansuran Bulanan	RM1,239.00	Ansuran Terakhir	RM1,187.00	Kadar Keuntungan/Faedah	2.40%	Jumlah Ansuran	108	Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM 89,612.99	Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM 19,356.41	Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM 108,969.40	Kadar peratusan tahunan	4.46%	Ansuran Bulanan	RM1,009.00	Ansuran Terakhir	RM1,006.40	Kadar Keuntungan/Faedah	2.42%	Jumlah Ansuran	120	Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM 89,612.99	Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM 21,686.34	Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM 111,299.33	Kadar peratusan tahunan	4.47%	Ansuran Bulanan	RM928.00	Ansuran Terakhir	RM867.33
Kadar Keuntungan/Faedah	2.40%																																																	
Jumlah Ansuran	108																																																	
Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM110,000.00																																																	
Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM23,760.00																																																	
Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM133,760.00																																																	
Kadar peratusan tahunan	4.46%																																																	
Ansuran Bulanan	RM1,239.00																																																	
Ansuran Terakhir	RM1,187.00																																																	
Kadar Keuntungan/Faedah	2.40%																																																	
Jumlah Ansuran	108																																																	
Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM 89,612.99																																																	
Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM 19,356.41																																																	
Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM 108,969.40																																																	
Kadar peratusan tahunan	4.46%																																																	
Ansuran Bulanan	RM1,009.00																																																	
Ansuran Terakhir	RM1,006.40																																																	
Kadar Keuntungan/Faedah	2.42%																																																	
Jumlah Ansuran	120																																																	
Jumlah Pinjaman/Pembiayaan	RM 89,612.99																																																	
Jumlah Caj yang telah ditentukan	RM 21,686.34																																																	
Baki Asal Yang Perlu Dibayar di bawah Perjanjian ini	RM 111,299.33																																																	
Kadar peratusan tahunan	4.47%																																																	
Ansuran Bulanan	RM928.00																																																	
Ansuran Terakhir	RM867.33																																																	

No	Soalan	Jawapan
25.	Bilakah dan bagaimana dokumen akan dihantar kepada saya untuk penerimaan/tandatangan saya?	Anda akan dihubungi setelah dokumen tersedia. Surat Setuju Terima beserta Perjanjian Tambahan/Surat Variasi akan dihantar melalui e-mel untuk pelaksanaan Perjanjian Tambahan/Surat Variasi.
26.	Bolehkah saya menyemak semula jadual pembayaran saya setelah keadaan kewangan saya bertambah baik?	Ya, anda boleh menghubungi kami bila-bila saja di masa akan datang untuk menyemak semula jadual pembayaran anda apabila keadaan kewangan anda bertambah baik.
27.	Bagaimana saya boleh menghubungi Bank untuk menyemak semula jadual pembayaran saya?	Anda boleh menghubungi kami melalui e-mel affinair@affingroup.com
28.	Bagaimana sekiranya permohonan saya ditolak?	<u>Individu dan Perusahaan Mikro</u> Anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan selanjutnya berkenaan pembayaran pinjaman/ pembiayaan anda serta menerima maklumat berkaitan penyelesaian alternatif. Anda boleh mengunjungi laman web AKPK: www.akpk.org.my atau hubungi AKPK di talian 03-26167766. <u>Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)</u> Anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan selanjutnya berkenaan pembayaran pinjaman/ pembiayaan anda serta menerima maklumat berkaitan penyelesaian alternatif. Anda boleh mengunjungi laman web AKPK: https://www.akpk.org.my/sdrs atau hubungi AKPK di talian 03-26167766.
29.	Bagaimanakah cara untuk menyertai program AKPK?	i. Anda boleh memohon terus kepada AKPK melalui laman web AKPK www.akpk.org.my atau hubungi AKPK di talian 03-26167766. ii. Anda juga boleh memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menyalurkan maklumat nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat e-mel dan jenis pembiayaan dengan AFFIN kepada AKPK. Kebenaran boleh diberikan: i. melalui e-mel kepada AKPK-AFFIN@affingroup.com atau ii. dengan menghubungi kami di talian 03-8230 2828 Anda perlu menyatakan di dalam e-mel atau melalui panggilan telefon bahawa anda membenarkan pihak Bank menyalurkan maklumat berkenaan kepada AKPK.
30.	Apakah proses seterusnya selepas saya memberi kebenaran kepada pihak Bank?	Selepas maklumat di dalam Soalan 29 tersebut diterima oleh AKPK, kaunselor AKPK akan menghubungi anda untuk menjalankan sesi kaunseling dan menerangkan secara terperinci mengenai program ini dalam tempoh 7 hari.

Affin Bank Berhad